

Dilema Sekolah

Oleh ZALINA YAHAYA
dan RAMLI ABDUL KARIM
[WARTAWAN UTUSAN]

UM 27 MAR 2001

FALSAFAH asal penubuhan Sekolah Kebangsaan (SK) seperti terkandung dalam Penyata Razak adalah bagi memastikan semua kaum di negara ini mendapat pendidikan di bawah satu bumbung dan menggunakan bahasa pengantar yang sama.

Selain penguasaan ilmu sebagai matlamat akhir, sistem persekolahan kebangsaan ini juga bertujuan memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum-kaum yang terdapat di negara ini.

Bagaimanapun apa yang diharapkan itu tidak menjadi kenyataan, sebaliknya kebanyakan SK di negara ini akhirnya bertukar menjadi sekolah Melayu.

Krisis identiti di SK ini telah mencurigakan kaum lain. Akhirnya mereka semakin menjauhkan diri daripada SK dan lebih selesa menghantar anak-anak mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina atau Tamil.

Baru-baru ini, satu lagi polemik mengenai bidang pendidikan negara tercetus ekoran kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang berterus terang merumuskan bahawa sistem pendidikan di negara ini tidak begitu berkesan dalam mengukuhkan perpaduan kaum.

Lee antara lain menyatakan bahawa peluang berbeza-beza kepada anak-anak pelbagai kaum yang merujuk kepada kewujudan pelbagai aliran persekolahan dalam sistem pendidikan di Malaysia, menjurus kepada perkauman sehingga sukar bagi kerajaan memupuk perpaduan yang sebenarnya.

Walaupun pada awalnya banyak pihak termasuk beberapa pemimpin tempatan yang secara melulu menolak dakwaan Lee itu, namun ramai juga yang mengakui kebenaran pendapat bekas Perdana Menteri Singapura itu termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengulas mengenai isu itu pula mendedahkan wujudnya usaha menjadikan SK sebagai sekolah agama sehingga menakutkan kaum lain menghantar anak-anak mereka ke sekolah berkenaan.

Beberapa tokoh akademik juga telah menterjemahkan pendapat Lee itu secara positif dan intelektual malah mencadangkan supaya dilaksanakan sistem persekolahan satu aliran.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (MGB), Sanip Suradi yang ditemui oleh *Utusan* baru-baru ini mempunyai pandangan tersendiri mengenai cadangan sekolah satu aliran dan kelemahan sistem pendidikan negara.

Menurutnya, selain Penyata Razak yang menjadi asas Akta Pelajaran 1961, dalam Penyata Abdul Rahman Yaakub yang termaktub ketika Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, falsafahnya juga antara lain ialah mewujudkan sekolah satu aliran.

Kata beliau, menerusi penyata berkenaan, kerajaan pada masa itu menetapkan bahawa sekolah-sekolah Cina dan India tidak boleh ditambah jumlahnya.

"Yang boleh ditambah jumlahnya hanyalah sekolah kebangsaan kerana daripada situ diharapkan murid-murid dari SJK Cina dan Tamil akan masuk ke sekolah kebangsaan," jelasnya.

Tetapi, tambah beliau, apa yang diharapkan daripada matlamat, falsafah dan tujuan dasar pelajaran dahulu itu tidak berlaku.

Katanya, antara puncanya ialah sesetengah ibu bapa bukan Melayu masih mempunyai pemikiran dan semangat perkauman yang begitu tebal dan khuatir identiti kecinaan atau keindiaan anak-anak mereka hilang jika dihantar ke SK.

"Saya setuju bahawa pada peringkat pendidikan sekolah

rendah, mereka ini sebenarnya lebih mengutamakan semangat perkauman berbanding agenda perpaduan nasional," ujarnya.

Ditanya setakat mana krisis identiti SK menjauhkannya daripada murid-murid bukan Melayu, Sanip memberitahu, di kebanyakan SK, pendekatan keagamaannya begitu menonjol.

"Contohnya, penggunaan tulisan Jawi dan Arab yang dijadikan sebagai lukisan mural dan papan arahan begitu banyak. Di pintu-pintu ada ayat *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan *Assalamualaikum* selain bacaan doa sebelum makan dalam bahasa Arab.

"Itu baru soal tulisan, sebenarnya banyak lagi pendekatan keislaman di SK.

Sensitif

"Saya sedar ini memanglah amat sensitif bagi orang Melayu dan Islam untuk didedahkan tetapi kita perlu terima hakikat bahawa inilah sebenarnya yang menyebabkan orang Cina dan India takut menghantar anak mereka belajar di SK," tegasnya.

Pada masa yang sama, Sanip berkata, orang-orang Cina dan Tamil lebih selesa menghantar anak-anak mereka ke SJK yang menggunakan bahasa ibunda sebagai pengantar dalam pembelajaran.

"Sekolah kebangsaan hanya menjadi pilihan kedua bagi mereka terutama di beberapa tempat yang tiada SJK, kebanyakannya di Kuala Lumpur," ujarnya.

Manakala dari segi kemudahan asas, kata Sanip, keadaan di sekolah kebangsaan dan SJK sebenarnya tidak banyak perbezaan.

"Mungkin di kawasan bandar kemudahan SJK Cina lebih baik, terkini dan elit sedangkan di luar bandar kemudahannya adalah sama, malah misalnya dari segi bangunan, SK lebih baik," tambahnya.

Menurutnya, memandangkan bahasa ibunda menjadi tarikan utama di SJK, Kementerian telah cuba memperkenalkan pengajaran bahasa ibunda terutama di sekolah-sekolah kebangsaan yang terdapat ramai murid Cina dan India.

Sebaliknya, jelas beliau, usaha tersebut tidak mendapat sambutan dan gagal memberi imej dan identiti SK yang lebih meyakinkan kepada ibu bapa kaum bukan Melayu.

"Kita juga kekurangan guru yang boleh mengajar bahasa Mandarin atau Tamil di sekolah kebangsaan kerana di SJK sendiri mengalami masalah yang sama.